

Liku2 hidup Dr. M penuh cabaran getir

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad diakui ramai sebagai pemimpin yang mencipta berbagai perubahan, untuk membawa negara dan rakyat Malaysia ke suatu tahap pencapaian yang lebih tinggi dan mengecap kejayaan yang tidak pernah dimimpikan di masa lalu.

Dr. Mahathir pernah 'jatuh ditimpa tangga' setelah tewas dalam pilihanraya umum 1969 dan pernah disingkirkan dari UMNO. Bagaimanapun beliau dengan tabah, bangkit bersama kegigihannya, bukan sahaja sekadar menebus kekalahanannya dalam pilihanraya, tetapi juga mengembalikan maruah bangsa yang hampir pudar kerana kelemahan-kelemahan sebelum ini.

Dr. Mahathir memenangi kerusi Dewan Rakyat untuk pertama kalinya di Kawasan Kota Setar Selatan dalam pilihanraya umum 1964 sebagai calon Perikatan. Beliau mengalahkan calon PAS, En. Mohd. Shaari Haji Shukur dengan kelebihan undi 4,210 undi.

Lima tahun kemudian, dalam pilihanraya umum 1969, beliau tewas di tangan Haji Yusof Rawa, calon PAS dengan kekurangan 989 undi.

Kekalahan beliau bukan sahaja menjadikan titik hitam dalam kerjaya politiknya, tetapi tahun itu juga meninggalkan sejarah hitam bila berlakunya peristiwa 13 Mei. Akibat berbagai teguran yang disuarakannya,



o **Haji Yusof Rawa:**
Pernah tewaskan Dr. Mahathir dalam tahun 1969.

akhirnya beliau dipecat dari parti.

Beliau diterima semula ke pangkuan UMNO dalam tahun 1972 dan dilantik menjadi Ahli Dewan Negara pada tahun 1973. Dalam pilihanraya umum 1974 beliau menang tanpa bertanding bagi kerusi Parlimen Kubang Pasu dan kemudiannya dilantik menjadi Menteri Pelajaran.

Dr. Mahathir dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri pada 5 Mac 1975 dalam satu rombakan kabinet oleh Datuk Hussien Onn (Perdana Menteri ketika itu, sekarang bergelar Tun yang memangku tugas Perdana Menteri bila Tun Razak meninggal dunia secara mengejut).

Pada tahun 1978, Dr. Mahathir melepaskan portfolionya di Kementerian Pelajaran untuk memegang Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Pada 16 Julai 1981, beliau dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia yang keempat.